

BAHAGIAN PENGURUSAN PERPADUAN (BPP)

MEDIATOR KOMUNITI (MK)

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN MEDIASI?

- Mediasi adalah suatu proses perundingan yang dilaksanakan secara tertutup, informal dan sukarela yang melibatkan lebih dari satu pihak untuk menyelesaikan pertikaian dengan dibantu oleh satu pihak ketiga yang neutral.

SIAPAKAH MEDIATOR KOMUNITI?

- Pihak ketiga (orang tengah) yang berperanan membantu pihak-pihak yang berpertikai untuk bekerjasama bagi mencari jalan penyelesaian secara damai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak tersebut.

APAKAH KRITERIA PELANTIKAN MENJADI MEDIATOR KOMUNITI?

- Warganegara Malaysia.
- Berusia 18 tahun ke atas.
- Sihat fizikal dan mental serta tidak pernah disabitkan dalam kesalahan jenayah.
- Mengikuti dan lulus dalam Kursus Asas Mediasi Sosial yang dianjurkan oleh jabatan sebagai prasyarat wajib pelantikan dan petaulahan.

- Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi pegawai yang bertanggungjawab di talian 03-88837133 dan 03-88837134

APAKAH KELEBIHAN MEDIASI?

Antara kelebihan Mediasi adalah seperti berikut:

- Tidak melibatkan proses litigasi dan perundangan.
- Menjimatkan kos.
- Masa yang singkat.
- Kerahsiaan.
- Mewujudkan suasana menang-menang (win-win solution).
- Tanpa bayaran.

APAKAH JENIS-JENIS PERTIKAIAN YANG SESUAI DISELESAIKAN SECARA PROSES MEDIASI?

- Kejiranan
- Hubungan Keluarga
- Tanah
- Alam Sekitar
- Kepenggunaan
- Kesihatan
- Kontrak dan Perjanjian
- Harta Intelek
- Pembinaan dan Kejuruteraan
- Pelbagai Isu Agama



APAKAH ISU ATAU KES YANG TIDAK BOLEH DIMEDIASIKAN?

- Kes yang melibatkan kesalahan jenayah;
- Apa-apa kes dalam siasatan Polis kecuali disyorkan oleh Polis; dan
- Kes yang masih dalam prosiding Mahkamah kecuali diperintahkan oleh Hakim.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



(FAQ)

SOALAN LAZIM

JENTERA PERPADUAN (BAHAGIAN PENGURUSAN PERPADUAN)

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

<https://www.jpnin.gov.my>